

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

25 February 2016

Bantu peserta jana pendapatan lumayan - PM

# Tube hasilkan usahawan jaya

Um-25/2/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN  
dan FADZIL ZAINOL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 FEB.

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berbangga dengan kejayaan program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) dalam mentransformasikan para pesertanya menjadi usahawan berjaya.

Perdana Menteri berkata, program tersebut telah mengubah nasib para peserta daripada individu yang mungkin mempunyai masa depan kelam kepada usahawan yang menjana pendapatan lumayan.

Menurut beliau, kerajaan turut memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan program anjuran SME Corporation (SMECorp) itu.

"Kalau dahulu ada yang menjadi mat rempit, hari ini menjadi majikan yang menggajikan 12 orang pekerja, meniaga burger dan bengkel mencuci kereta.

"Tube telah mentransformasikan

mereka menjadi insan yang berpotensi menjana pendapatan lumayan, insya-Allah," katanya ketika berucap pada Majlis Apresiasi Peserta Tube Bersama Perdana Menteri di Menara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan serta Ketua Eksekutif SMECorp, Datuk Hafsa Hashim.

Dalam majlis sama, Najib turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik Tube kepada Charlonitta Richard dan Mohd. Zairul Irshad Zainal.

Charlonitta yang berasal dari Sabah mengusahakan perkhidmatan kawalan serangga dan anai-anai manakala Mohd. Zairul merupakan pengusaha spa perubatan Islam un-

tuk lelaki di Kuantan, Pahang.

Perdana Menteri menambah, peserta program Tube mesti mempunyai kesedaran dalam diri masing-masing bahawa sesuatu perkara itu mungkin tidak dihargai jika diperoleh secara mudah.

"Tetapi dengan kem bina semangat dan latihan selama tiga minggu, bergaul dengan orang lain, timbul kesedaran bahawa dunia itu luas," jelasnya.

Beliau memberitahu, peserta-peserta Tube mungkin sukar untuk berjaya sekiranya kerajaan meluluskan geran perniagaan berjumlah RM15,000 kepada mereka tanpa diberi sebarang bimbingan.

"Kita boleh berjaya dengan syarat kita mempunyai semangat untuk berdikari dan beroleh kejayaan," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut menyatakan komitmen kerajaan untuk menambah peruntukan yang akan disalurkan kepada program Tube sebaik sahaja ekonomi negara pulih daripada kesan krisis ekonomi global.